

Isu anti-Yahudi perlu ditangani dengan pemahaman — Abdullah

Oleh ASUKI ABAS
dan ROZILAN SALLEH

UM - 7 NOV 2003

KUALA LUMPUR 6 Nov.
— Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, isu anti-semitik dan dakwaan anti-Yahudi perlu ditangani dengan pemahaman yang lebih baik dan tidak harus dijadikan konfrontasi.

Perdana Menteri berkata, langkah berkonfrontasi antara kedua-dua pihak tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika ini.

“Kita tidak boleh memilih berkonfrontasi, kita mesti memilih jalan terbaik dengan memahami isu yang kita hadapi masa ini,” katanya.

Beliau yang juga pemangku Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas pertamanya kali mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Jumaat lepas.

Isu anti-semitik itu timbul apabila pihak Barat membidas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berikutan ucapannya pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC), di Putrajaya, bulan lepas.

Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, kaum Yahudi kini sangat berkuasa dan memerintah dunia melalui proksi.

Berikutan itu pelbagai pihak di Barat menyelar Dr. Mahathir termasuk ke-

putusan Jabatan Negara Amerika Syarikat yang mahu menghentikan bantuan ketenteraan kepada Malaysia.

Abdullah berkata, Dr. Mahathir sebenarnya hanya menjelaskan apa yang telah berlaku berdasarkan sejarah apabila kaum Yahudi dianiaya, tetapi mereka akhirnya berjaya seperti hari ini.

Menurutnya, beliau mengetahui bahawa Dr. Mahathir bukan bersikap anti-Yahudi sebagaimana yang didakwa oleh pihak Barat

tetapi orang Yahudi sebenarnya tidak suka dengan cara Dr. Mahathir meluahkan pendapatnya.

Sebaliknya kata Abdullah, Dr. Mahathir mahu menjelaskan kepada umat Islam beberapa peristiwa sejarah yang pernah berlaku apabila mereka dianiaya dan agama Islam dice-muh serta bagaimana mahu mengatasinya.

Katanya, oleh itu umat Islam mesti bertindak dengan cara sabar dan mendalam ilmu pengetahuan serta berusaha mencari strategi-strategi baru.

Mengenai sentimen anti-Yahudi yang semakin meningkat di negara-negara Arab dan Islam, Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu dielakkan daripada berterusan kerana konfrontasi antara kedua-dua pihak tidak akan memberikan manfaat kepada sesiapa pun.

Menurutnya, adalah lebih baik sekiranya isu itu difahami dengan sejelas-jelasnya.

“Ini untuk mengelakkan konfrontasi,” kata Abdullah.